

## **WAU KAPAL : PERMAINAN TRADISIONAL RAKYAT SELANGOR**

Oleh : Abdullah Anas bin Abu Bakar

### **Abstrak**

Makalah ini menghuraikan sejarah asal usul permainan layang-layang tradisional iaitu Wau Kapal yang merupakan permainan warisan rakyat negeri Selangor. Reka bentuk dan motif hiasan yang terdapat pada Wau Kapal ini mempunyai keunikan yang tersendiri. Permainan Wau Kapal ini masih lagi dimainkan oleh rakyat negeri Selangor. Namun unsur-unsur tradisi dan keunikan serta makna di sebalik penciptaan yang terdapat pada permainan warisan rakyat negeri Selangor ini hamper tidak diketahui malahan semakin pupus ditelan zaman. Sejarah, kebudayaan dan kesenian dalam permainan Wau Kapal ini telah dicungkil agar dapat menonjolkan identiti budaya negeri Selangor yang telah diwarisi dan seterusnya sesuai dijadikan pedoman serta pengajaran dalam membina jati diri rakyat seiring dengan nilai-nilai murni yang telah dipupuk sekian lama.

Kata kunci : layang-layang, Wau Kapal, identity